

KONSEP ADAT PAKAIAN CARA MELAYU SENTUHAN TENUNAN DALAM BUSANA MELAYU¹

Oleh : DR SITI ZAINON ISMAIL

Sinopsis

PENAMPILAN konsep adat Pakaian Cara Melayu (PCM) sudahpun termaktub dalam teks *Sejarah Melayu* dan *Hang Tuah* dengan jelas. Adat berpakaian telah mendapat perhatian dengan peraturan yang disusun atur sejak Sultan Muhammad Syah (1421-1444) di Melaka. Konsep asas pemerian PCM itu membezakan pakaian dilarang pakai oleh rakyat Melaka, iaitu ‘pakaian atas angin (Arab-Parsi) dan ‘memakai cara Keling itupun larangan’. Sungguhpun begitu kemasukan aneka jenis kain, pabrik atau tekstil luar telah mengkayakan lagi PCM. Terutama dengan pemakaian kain dari pelabuhan Gujerat sejak abad ke 7 M (disinggahi pedagang dari Arab-Parsi juga: cindai, kasa kasa, kain baldu ainulbanat) atau dari China dengan dewangga benang emas, kain bunga perada. Termasuklah pola baju kurung dan seluar yang terkesan daripada gaya Parsi-Gujerati. Kemunculan pengetahuan menenun terutama sejak abad ke 16 M, masyarakat Melayu sudah mula menenun dan menggunakan tekstil tenunan dari Bugis Mengkasar, dari Silungkang, Pandai Sikek termasuk di Pesisir Pantai Timur, Kelantan, Trengganu dan Pahang. Inilah rupa seni tekstil Melayu yang melengkap pola PCM terutama baju Melayu (kurung) dan kebaya atau di Pahang berkembang baju kebaya kembang disebut baju Riau-Pahang pada abad akhir abad ke 17 M. Kertas kerja ini akan menyentuh gaya dan hubung kait adat berPCM yang menampilkan gaya dengan penggunaan tenunan sama ada tenun bercorak atau songket. Di sinilah keindahan dan kemantapan seni hias sulaman dan corak tenunan tempatan.

Pendahuluan

¹ Kertaskerja untuk Ucap Utama sempena Seminar Tekstil Antarabangsa Tenunan Nusantara : Identiti dan Kesinambungan Budaya di Kuantan Pahang pada 12-14 Mei 2009

Sejarah Melayu telah memerikan tentang aturan Pakaian Cara Melayu (PCM) melalui peristiwa Sultan Muhamamid Syah (Raja Tengah, 1424-1444) yang telah mengatur adat istiadat istana dan hubungannya dengan rakyat,

Syahdan bagindalah yang pertama meletakkan kekuningan larangan, tiada dapat dipakai orang keluaran dan akan diambil akan sapu tangan; dan tiada dapat dibuat tepi tabir, dan ulasan bantal...melain kain, baju dan destar tiga perkaranya ini juga dapat dipakai (*Sejarah Melayu*, 1984,56).

Daripada petikan di atas, pola dan bentuk PCM terdiri daripada kain, baju dan destar. Manakala *Hikayat Hang Tuah* (Kasim Ahmad, peny. 1966) memerikan tentang baju, seluar dan destar. Inilah reka bentuk asas pakaian sebelum dipakai atau digaya sebagai pakaian ‘orang dalam’ – kerabat istana (baju di dalam, kain atau bulang² luar) dan orang keluaran (orang kebanyakan ‘orang dagang luar’ memakai , baju bulang dalam). PCM juga dikaitkan dengan makna dan lambang pemakainya, dalam acara adat istadat seperti pertabalan, perkahwinan dan kemangkatan terutama untuk kalangan kerabat diraja. Sebaliknya rakyat jelata juga diberi taraf memakai mengikut peraturannya setelah menerima anugerah raja.

Data tentang PCM makin jelas, ketika memerikan tentang pakaian sepersalinan raja (3-5 persalinan), sehingga ketika berangkat ke masjid sultan masih memakai cara Melayu lengkap berbaju sarung (baju kurung), bulang hulu dan berkeris. Sampai di masjid untuk bersolat hari raya baru memakai jubah dan dibentang sejada. Begitu juga ketika berangkat pulang kembali menanggalkan jubah dan memakai bulang ulu. Inilah pemerian cara Melayu itu, “ Raja memakai pakaian cara Melayu” yang bertengkolok.

Pakaian Cara Melayu →Baju Melayu dari sumber teks Sastera Melayu Lama

² Bulang (Melayu lama) bererti kain. Bulang ulu = kain atas kepala, ikat kepala, destar atau tengkolok

PCM juga dikenali umum sebagai berbaju Melayu. Iaitu baju yang dipakai dengan cara sarung, ‘menyarung baju Melayu’, hingga perempuan memakai dengan cara mengurungkan badan, disebut sebagai baju kurung - menyembunyi potongan anggota tubuh (menutup aurat) sesuai dengan nilai Islam. Kain juga dipakai secara sarung. Tradisi ini mula diselaraskan dalam suasana keMelayuan di istana Melaka pada abad ke 15 M, kerana sebelum kemasukan Islam, warisan masyarakat Seriwijaya ³masih berlangsung terutama dengan pola tiga potong kain.

Lebih tepat pengertian baju (asal Arab, *badzu*) belum dikenali ketika itu , kerana raja dan suri hanya melilit pakaian menutup tubuh⁴. *Bazdu* daripada bahasa Arab, berkembang menjadi baju, yang dipotong dan dijahit hingga kerap diperikan raja itu memakai ‘ baju ainulbanat’ (Arab, kain yang cantik, indah). Sebaliknya pemerian awal reka bentuk baju raja hanya diperbuat daripada kain kecil dengan ukuran pendek, seperti menjadi pemerian pantun,

‘ Kain Melaka dua hasta, baju raja ke Inderagiri’

Hingga ke puncak keagungan Kerajaan Melayu Melaka, PCM makin disempurnakan oleh Temenggung apabila perlakuan gaya telah diperikan, ‘Tun Hassan Temenggung yang melabuh baju Melayu dan membesarangkan pangkal lengan dan memanjang tangan baju’ (*Sejarah Melayu*, 155).

³ Sebelum muncul Kerajaan Melayu Melaka ada yang memakai kain panjang, kain lepas yang dipakai dengan cara ikat tergantung atau ikat meribu di pinggang. Terutama oleh kemudahan memperoleh kain cindai panjang sembilan sebagai waris daripada Kerajaan Melayu Awal terutama zaman Langkasuka dan Seriwijaya yang berpusat di Jambi Palembang, Senggora-Pataya, Patani hingga ke Champa.

⁴ Wheatly, turut mengutip catatan Wang Ta- Yuan tentang pakaian di wilayah Seriwijaya, Pahang disebut sebagai P' eng-l'eng), rambut lelaki dan perempuan panjang bersanggul, dan berpakaian kain kapas yang labuh dan diikat berkeliling pinggang diikat dengan tali emas (ikat pinggang?). Pola baju belum digambar dengan jelas (Siti Zainon, 2006) .



Pakaian Cara Melayu: 1) baju kecil dan samping pendek
2) baju Melayu, kurung samping di dalam ‘dagang luar’
3) baju Melayu, samping di luar ‘dagang dalam’



‘Tun Temenggung Hassan pertama yang melabuhkan dan membesar pangkal lengan dan memanjangkan lengan baju’

Reka bentuk PCM

Hikayat Hang Tuah, memberi tumpuan reka bentuk PCM kepada tiga pola asas iaitu, 1) baju, 2) kain dan 3) destar dilengkapi 4) sebai dan 5) ikat pinggang, hingga dikenali sebagai lima sepersalinan. Seluar (Parsi, syalawar) belum disebut sebagai pakairan raja hinggalah sebagai pakaian anugerah kepada tokoh tertentu.

Misalnya seluar diperi dengan jelas sebagai PCM melalui adat anugerah kepada Hang Tuah dan pedagang India , Datuk Permandewan. PCM Hang Tuah pun diperikan, ber‘ 1) kain hijau bertepi emas, 2) baju kesumbu murup dan 3) seluar beldu hijau sampai ke lutut’ (Kassim Ahmad, 313). Datuk Permandewan pula dianugerah kain yang sama seperti Hang Tuah tetapi ‘baju antakesuma, seluar baldu berantelas’ (baldu berkilat,broket?). Kedua-dua mereka seterusnya dianugerah lagi melengkapi makna lima persalinan dengan Hang Tuah memakai 4) ikat pinggang tujuh belit bersurat ayat quran (kemungkinan kain cindai /limar bersurat) dan 5) keris parong sari. Datuk Permandewan dianugerah dengan ikat pinggang suji (sulaman – hiasan) air emas (perada).

Warisan PCM dalam zaman Kerajaan Melayu Melaka ini berlanjutan ke Kerajaan Melayu Johor Riau, Johor Lama termasuk Pahang⁵, Perak⁶, Trengganu, Johor⁷ , Negeri Sembilan, Selangor dan Kedah. Misalnya hingga ke zaman Kerajaan Perak pada abad ke 17 seperti yang dicatat oleh *Misa Melayu*, dengan jelas memperagakan konsep PCM.

⁵ Sultan Mansur Melaka telah menghantar puteranya Raja Muhammad bondanya Puteri Onang Seri @ Puteri Lela Wangsa puteri Pahang ditabah sebagai Sultan Pahang 1 setelah peristiwa membunuh putera Bendaha Tun Perak, Tun Besar, yang tanpa sengaja telah menjatuh destar Raja Muhammad dengan bola raga. (lih. Buyong Adil , 1984). Sultan Muhammad berkahwin dengan cucu Sultan Iskandar Raja Kelantan bernama Puteri Mengindera. Warisan diraja Melaka ini tentu saja meneruskan PCM gaya Melaka manakala puteri Mahindera, pasti meneruskan gaya Melayu Patani.


⁶ Sultan pertama Perak ialah Sultan Muzaffar Shah 1 (1528-1549), putera Sultan Mahmud Melaka yang telah membawa diri ke Kampar dengan isteri puteri Onang Kening, puteri Sultan Kelantan. Raja Muzaffar sudahpun bergelar Raja Muda ketika di Bentan dan dikahwinkan dengan Tun Nerang, puteri Tun Fatimah dengan suami pertamanya Tun Ali anak Tun Tahir Seri Nara Diraja yang telah dibunuuh oleh Sultan Mahmud. Tetapi apabila Tun Fatimah berputeraan Tun Ali, beliau menuntut agar puteranya dilantik sebagai Sultan Mudal mengganti Sultan Mahmud kelak dan Raja Muzaffar dihantar ke Perak dan ditabalkan sebagai Sultan perak 1 (lih. Buyong Adil, 1972,6)

⁷ PCM Negeri Johor, kemudiannya berkembang dengan gaya Baju Melayu Teluk Belanga, mula diperkenalkan oleh kerabat keturuan Temenggung- Sultan Abu Bakar, yang bersemanyam di Teluk Belang, untuk membezakan pengikut baginda antara orang melayu di Teluk Belanga (baju Melayu, samping di dalam gaya dagang luar dan samping di dalam baju gaya dagang (orang) dalam) dengan waris Sultan Hussin di istana Gelam yang meneruskan gaya PCM Melaka.

Pola Baju

Pendapat umum mengatakan baju Melayu (kurung) itu berasal daripada pola Gujrati dan Arab-Parsi yang telah dipendekkan, leher bercekak, berpisak dan berkekek. Tetapi ini hanya ditahap awal, seperti kerap dibincangkan oleh para pengkaji budaya, tentang berlakunya adaptasi sebagai langkah ketamadun sesuatu bangsa. Terdapat bentuk (asas) yang sama tetapi telah dikemas, dimajukan hingga mengwujudkan gaya baru. Istilah cekak musang, pesak dan kekek terbukti dapat menjawab andaian, bahawa baju Melayu adalah pelengkap PCM, sehingga diingatkan oleh Sultan Muhammad, ‘dilarang memakai gaya atas angin (Arap) dan pakaian cara Keling (orang Kalingga). Leher cekak musang PCM juga berbeza dengan leher baju jubah Gujrati dan leher baju Cina.

Gaya cekak musang PCM, hujung punca kiri menindih punca kanan dan dikemaskan dengan 2 butir butang di cekak leher, dan 3 butir di bahagian bawah. Jumlah butang itu saja telah memartabatkan taraf kepercayaan si pemakainya, dengan fahaman nilai keIslam (Rukun Islam). Atau kalau merujuk kepada baju Melayu Teluk Belanga dengan sebutir butang yang bertapak di istana Teluk Belanga dan berkembang ke Tanjung Puteri kemudian disebut Johor Bahru juga melihat nilai kepercayaan ‘Allah Yang Satu, Allah Yang Esa’ .



Pola baju Melayu= baju kurung → leher bulan-bulan/cekak musang, berpesak, berkekek

Begitu juga dengan kelengkapan kain samping menutup anggota tubuh (kaki) dan labuh hingga paras lutut untuk lelaki yang bertaraf seorang ayah, pemimpin yang dihormati. Kerana samping di atas lutut hanya untuk anak muda. Ikatan yang longgar, tidak ‘sempit menyampul nangka’ (Tenas Effendi, 197)

Baju Riau –Pahang juga patut disentuh di sini. Peristiwa Tengku Sulung – Tengku Husin putera Sultan Mahmud Syah 111 (1761-1812) dari Riau Lingga datang ke Pahang untuk berkahwin Tun Esah adinda Bendahara Tun Ali (1761-1806) telah memungkinkan busana Engku Puteri, Raja Hamidah permaisuri kesayangan Sultan Mahmud turut di bawa ke Pahang. Di Riau Penyengat baju Engku Puteri disebut juga sebagai baju (kebaya cekak musang) pesak sembilan. Baju inilah berkembang di Pahang dan ini dapat dijadikan identiti yang wajar dilestarikan malah boleh dinaik taraaf sebagai baju rasmi perempuan Pahang.



Pola baju Riau-Pahang

Baju belah dada , baju sikap , takwa, baju layang

Di samping baju Melayu dipakai secara sarung terdapat juga istilah baju belah dada, baju sikap atau takwa. Ini adalah contoh asal baju Melayu itu pendek saja. Potongan baju ini dipadankan dengan kain panjang dan seluar, dan paling

terkenal di wilayah warisan Seriwijaya, Champa, Patani termasuk Kelantan, Trengganu dan Pahang. Baju belah dada juga adalah warisan pengetua Bugis muncul di Selangor, Pahang, atau pengaruh Aceh di Kedah. Hingga awal abad ke 18 M terutama dengan campur tangan Inggeris dan Belanda, sisa baju ini masih dipakai oleh kerabat istana, dikenali dengan nama yang cukup istimewa, baju takwa untuk anak-anak raja di Selangor, baju potong Siam di Kelantan, atau baju sikap di Kedah.

Warisan memakai baju belah dada dapat dikesan pada gambar beramai raja-raja Melayu dalam Sidang Raja-Raja 1 di Kuala Kangsar Perak (1897). Berdasarkan gambar tersebut hanya dua orang sultan memakai baju Melayu. Begitu juga baju belah dada juga dipakai oleh pahlawan pengiring acara adat atau penghulu istana.

Gaya ini juga sebagai pelengkap setelah memakai PCM, baju Melayu di dalam dan di luar memakai muskat baldu sulaman benang emas iaitu pakaian rasmi pertabalan Seri Paduka Yang Dipertuan Agung. Sebaliknya DYMM Selangor mengenakan kelengkapan baju layang⁸ dalam acara pertabalan.



Sidang Raja-raja Melayu 1 di Kuala Kangsar 1897, hanya dua orang raja
Memakai persalinan PCM (gambar : Arkib Negara)

⁸ Baju layang juga dikenali dalam teks sastera Melayu Tradisi sebagai baju antakesuma, barang siapa yang memakainya boleh terbang ke dunia kayangan



Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 21 Januari 1948, di King House
Kuala Lumpur, semua Raja-raja Melayu memakai PCM
lima persalinan (gambar Arkib Negara)

Jenis kain, fabrik atau tekstil

Sehingga abad ke 15 Melaka sebagai pusat pelabuhan telah mengenalkan aneka kain, fabrik dari luar terutama kain panjang cindai, kasa, serasah, ainulbanat, kamkha dewangga, geramsut sadariah kain perada. Istilah tenunan songket belum disebut sebaliknya memerikan tentang kain bersuji emas (kain sulam) , kain pakan emas (kain teknik benang emas).

Kesan penggunaan kain dari benua luar, telah dikenali juga cara memakai kain panjang sembilan. Contohnya ketika Hang Tuah bertarung dengan Megat Panji Alam Trengganu di Pahang pernah diperikan sebagai memakai kain diraja, kain panjang ‘ maka Hang Tuah pun membetulkan (ikat) kain panjangnya dengan destarnya serta menyinsing lengan’ (Kasim Ahmad, 220)

Atau ketika bertarung dengan Hang Jebat, Hang Tuah memakai ‘ikat pinggang tujuh belit’ – dapat difahmi memakai kain panjang dijadikan bengkung, dililit tujuh kali ke pinggang’. Pemakaian tekstil dari luar ini juga makin memartabat gaya PCM sehingga kerap diperikan tentang pakaian anak raja,

Baju → baju baldu ainulbanat (Arab-Parsi)

Ikat pinggang → terkena ikat pinggang

anak ikat cindai, anak serasa (patola India)

Kain → kainnya Bugis kembayat

Tengkolok → kampuh pelangi (bandhana India)

Contoh di atas memperlihatkan jenis tekstil-fabrik luar, tetapi telah difahami sebagai tekstil tempatan dengan lahirnya istilah Melayu: cindai, pelangi, kain bugis, kemboja sesuai dengan cerita teks yang melakar keindahan pakaian Awang Sulung Merah Muda, Malim Dewan atau Hang Tuah.

Hinggalah pada abad ke 16M, kelengkapan PCM telah jelas penggunaan kain tenunan, tempatan terutama dari kepulauan Bugis (kain Bugis-Makassar), Borneo (Sambas, Samarinda, Brunei).

Minangkabau (Pandaisikek, Silungkang), dan Patani-Kemboja, Kelantan, Trengganu dan Pahang). Penggunaan tekstil tersebut tergambar melalui pemerian teks, ‘kain Bugis Kembayat’- Bukan kembayat zaman ini’ memang telah dihasilkan di wilayah berkaitan. Beberapa jenis kain dari istana Melayu lama seperti Kerajaan Patani telah menular sebagai pakaian rasmi Cik Siti Wan Kembang – memakai tiga potong kain panjang: selendang limar, kain ikat kembang di dada, dan kain ikat meribu di pinggang . Ini diperikan oleh almarhum ayahanda Bomoh Diraja Kelantan, Nik Abdul Rahman (Siti Zainon, 2006,98),

Kain limar melekat dikulit
Songket bertabur merah pulasan
Ikat seribu pancung ke bawah.

Hingga kini, songket penuh, bertabur telah diangkat sebagai tekstil untuk PCM. Beberapa jenis tekstil lain seperti kain limar, dan gerus perada masih di makaian di istana Selangor, Kedah dan Perak. Tekstil inilah dijadikan sepersalinan baju, seluar, samping dan destar sama ada sedodon ataupun serasi antara samping dan destar. Beberapa ragam hias tenunan juga telah menampak identiti wilayah masing terutama yang menaikkan nama tempat asal tenunan ‘corak bugis, corak muar, termasuk tenun Pahang’ dengan ragam nama-nama tokoh terpilih.

Lambang Keindahan Warisan PCM



Lambang warna: 1) kuning Raja 2) ungu Bendahara 3) hijau Temenggung



Warisan Kerajaan Melayu Melaka kekal diterapkan di Istana Perak:

- 1) Putih kuning Sultan 2) kuning Raja Muda (@gambar NST 20 April 2009)

Keindahan PCM kerap dirujuk kepada makna fungsional setiap pola yang memberi lambang kuasa. Ini dapat dinilai melalui jenis tekstil dengan ragam hias, termasuk warna dan motif (songket penuh, songket bertabur, kain gerus hias telepuk , hias sulaman emas), perhiasan utama (destar, tengkolok, pending dan keris). Pola asas pakaian (baju, seluar, samping) tidak akan sempurna sesuatu acara (pertabalan, perkahwinan, upacara memberi-menerima anugerah) lambang-lambang status kuasa dan kegagahan watak Melayu.

Warna mempunyai status lambang . Ia juga diperikan dengan jelas dalam teks, melalui penggunaan peralatan di raja iaitu payung, ‘ ...payung kuning untuk

anak-anak raja, dan orang-orang besar (ber)payung ungu, hijau dan sida-sida dan bentara hulubalang boleh saja hitam ‘(lih. Siti Zainon, 2006, 247)

Pakaian raja pula diperikan tentang penggunaan payung berwarna putih emas, kerana kalau berjalan kelihatan dari jauh’. Tradisi warna pakaian raja atau sultan ialah putih kuning emas, kuning kunyit juga tersirat hingga kini di istana Perak Darul Ridzuan. Manakala negeri-negeri lain, bagi telah disepakati, warna kuning raja (Selangor, Trengganu), biru (Kelantan, Negeri Sembilan), hijau (Perlis)

Dalam cerita lisan antaranya ialah melalui Hikayat Seri Rama, status Seri Rama sebagai anak raja yang dibuang tidak dianggap sebagai putera raja digambarkan dengan cahaya hijau, adindanya Laksamana bercahaya merah.

Jenis kain atau tekstil juga menentuk keindahan khas, yang melambangkan makna budaya. Istilah memakai jong sarat, atau songket bunga penuh hanya untuk raja, bunga tabur untuk untuk anak-anak raja dan pembesar. Cindai yang kemudia lebin dikenali sebagai limar terutama limar songket emas juga amat tinggi martabatnya. Dikenakan setelah siram tabal, ini diikuti dengan tenunan gerus perada ataupun kain pelangi.

Destar atau tengkolok juga dapat menentukan status pemakiannya selain warna. Antara yang paling utama dalam Kerajaan Melayu ialah destar dengan solek’ Dendam Tak Sudah’ – pertama kali dipakai oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong 1, berasal dari Negeri Sembilan. Kesan perlambangan solek tengkolok atau destar ini amat ketara menampilkan jadi diri setiap negeri yang dipakai oleh raja atau sultan dan para kerabat istana. Antaranya solek ‘Tengkolok Cogan daun Kopi (Sultan Pahang), Lang Menyonsong angin’ (kerabat diraja Pahang, Raja di hilir Perak).’Balong Ayam (Perak). Begitu juga ‘ Ikat Bendara, Ikat Laksamana dan Ikat Temenggung disebut di Kedah dan Trengganu,

Sunting dan kerongsang adalah lambang hiasan para perempuan Melayu. Dalam acara rasmi para isteri, ibu yang menyedari makna adat dan adab akan berPCM. Baju kurung atau kebaya lengkap dengan selenden (+kerundung). Kalau berbaju kurung memakai kancing sebutir untuk gaya Teluk Belanga atau 5-7 butir kancing kalau memakai baju kurung cekak musang. Kerongsang juga

adalah lambang keindahan yang tersendiri, 3 butir mengancing dada. Rambut pula bersanggul dan dihiasi dengan sunting, 3- 7 atau sunting penuh dan tinggi kalau menjadi pengantin.

Kesimpulan

Konsep PCM adalah asas yang wajar menjadi sumber pemantapan pakaian dan busana masyarakat Melayu atau Malaysia hari ini. Negara Malaysia yang diterajui oleh Yang di-Pertuan Agung, merupakan lambang Kedaulatan Negara Bangsa. Ini juga adalah warisan budaya berteraskan sistem Kesultanan Melayu yang berpusat di Melaka, yang melanjutkan tradisi Kerajaan Melayu Palembang, bertembug dengan berbagai sistem adat dan kepercaayan Langkasuka-Seriwijaya-Champa. Namun hasilnya melalui konsep PCM telah memantapkan susun atur dan adat berpakaian yang diteruskan dalam zaman Kerajaan Melayu Johor Riau, dan dikembang lagi Temenggung Abdul Rahman di Teluk Belanga (yang menjadi identiti negeri Johor hari ini), masuk kembali ke Perak dari Kampar, Pahang, dan seluruh negeri Melayu yang tergabung dalam Persekutuan Tanah Melayu 1957. Di sisnilah indahnya keseragaman konsep PCM dengan lima persalinan yang masih dipertahankan. Tradisi ini juga menular ke kalangan masyarakat Sabah dan Sarawak yang menyebut juga sebagai baju Melayu Selangor, atau baju Melayu Johor dan sekarang dikenali sebagai baju Melayu.

Satu saranan yang perlu dicatat di sini ialah sejauh manakah pemahaman kita kepada tradisi warisan yang telah menzahirkan nilai keindahan klasik melalui PCM. Adalah wajar kita kembali merenung, antara nilai keindahan klasik dengan kemajuan daya cipta kreatif, yang kadang kala menolak kewarasaman keindahan hanya sekadar untuk melakukan perubahan. Lebih menghodohkan apabila sistem lambang melalui jumlah kancing dan ikat kepala (jenis solek), itu diketepikan hanya kerana ingin cantik dengan rambut di sapu ‘gel’? Begitu juga cara memakai kain samping, yang dapat membezakan pemakainnya, lelaki atau perempuan.

Kepedulian untuk melestarikan kefahaman lambang dan makna berpakaian juga patut diberi perhatian oleh pengurus persembahan seni budaya, komunikasi, agar tidak membiarkan keserakan berPCM terutama dalam acara rasmi, yang berkaitan dengan adat istiadat termasuk persembahan seni budaya di peringkat

antarabang. Antara warisan yang telah berusia lebih 600 tahun dengan emosi dan kegaiharan mencipta perubahan perlu ada batas agar nilai PCM dapat diselaraskan antara realiti status rasmi (pemimpin , pembesar termasuk para isteri masing-masing) dengan kreativiti persembahan atau peragaan seni.

Betulkah bidalan nenek moyang kita,

Hanya mutu mengenal manikam ?

Wassallam.

Sungai Kancing - Gombak

10-22 April 2009

Rujukan

Buyong Adil, 1984. *Sejarah Pahang*. K.Lumpur: DBP

-----,1972. *Sejarah Perak*. K.Lumpur: DBP

Gombrich E.H.J.(peny)1972. *Art, Perception and Reality*. Baltimore:Johas Hopkins University

Harun Mat Piah dan Siti Zainon Ismail, 1986. *Lambang Sari Tarian Gamelan Trengganu*. Bangi: UKM

Kassim Ahmad (peny), 1966. *Hikayat Hang Tuah*, K.Lumpur: DBP

McNair, J.C.A.1972. *Perak and Malays*.K.Lumpur: OUP

Siti Zainon Ismail, 2006. *Pakaian cara Melayu*. Bangi: UKM
-----, 1997. *Busana Melayu-Johor*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
-----, 1995. *Tekstil Tenunan Melayu*. K.Lumpur DBP
Kraftangan Malaysia, 2008. *Tenunan Pahang*,

Sumber diraja,
Merafak Sembah Seri Paduka Baginda Yang di –Pertuan Agung X111, Jawatan Warisan Negara, 2008

Sumber Ilustrasi

Sketsa, gambar @ Siti Zainon Ismail
Gambar Raja-raja Melayu @ Arkib Negara
Gambar di-Raja Perak @NST 20 April 2009